

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 3/2014

MINIT MESYUARAT PUSTAKAWAN SISTEM MAKLUMAT MALAYSIA (MySyL) BIL 3/2014

Tarikh : 18 Disember 2014
Hari : Khamis
Masa : 9.00 pagi - 2.00 petang
Tempat : Bilik Seminar, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA, UiTM Shah Alam, Selangor.

Hadir:

| | |
|--|--------------|
| Cik Sarifah Abdullah (UIAM) | - Pengerusi |
| En. Shaiful Yazam Mat (UPM) | |
| En. Hazmir Hj. Zainal (UKM) | |
| En. Md. Hafiz Ahmad Zulkifli (UKM) | |
| En. Mohd Izwan Salim (UiTM) | |
| En. Mohd Najib Abdullah (UPNM) | |
| En. Mohd Afiq Rusly (OUM) | |
| En. Amirul Firdaus Zilah (UMK) | |
| En. Meor Mohd Arafat Mohamad Shahini (USM) | |
| En. Khairul Asyran Sulaiman (UPSI) | |
| Pn. Wan Kartini Wan Sulaiman (UPSI) | |
| Pn. Rozana Kamdani (USIM) | |
| Pn. Norashikin Hj. Mohamed Tahir (UNITEN) | |
| Pn. Zanaria Saupi Udin (UM) | |
| Pn. Korina Ibrahim (UNIMAS) | |
| Pn. Norhafisah Zakaria (UTM) | |
| Pn. Tengku Zemy Azmira Tengku Aziz (UIAM) | |
| Cik Zuraidah Darus (UUM) | |
| Cik Sharifah Fahimah Saiyed Yeop (UTP) | |
| Cik Ilina Syazwani Musa (UM) | |
| En. Muizzudin Kaspol (UPM) | - Setiausaha |

Tidak Hadir:

| |
|--|
| En. Norkamarizal Kamarudin (MMU) |
| En. Ahmad Faisal Ishak (UTHM) |
| En. Mohd Kamal Mohd Yusoff (UniKL) |
| En. Dzulhaile M. Bakri (UniMAP) |
| En. Syed Muhammad Helmy Syed Md. Akhir (UMT) |
| En. Mahadir Bin Che Ali (UTeM) |
| Pn. Anna Michael (UMS) |
| Pn. Rosnorzaini Rusli (UniSZA) |
| Cik Amelia Hasan (UMP) |

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 3/2014

| Bil. Minit | Perkara | Tindakan | Tarikh |
|------------------|--|--|--------|
| MINIT 1.0 | UCAPAN ALUAN | | |
| | <p>Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah, serta mengalu-alukan kedatangan Pustakawan / Pegawai Sistem ke Mesyuarat MySyL Bil 3/2014.</p> <p>Pengerusi memberikan ucapan dan penghargaan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA, UiTM Shah Alam, kerana sudi menjadi tuan rumah untuk mesyuarat pada kali ini.</p> | Makluman Makluman | |
| MINIT 2.0 | PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MySyL 2/2014 | | |
| | Wakil UUM mencadangkan supaya Minit Mesyuarat MySyL Bil. 2/2014 disahkan dan disokong oleh wakil UMK tanpa sebarang pindaan. | Makluman | |
| MINIT 3.0 | PERKARA BERBANGKIT | | |
| 3.1 | Laporan Portal MyUniNet dan MyTO | | |
| 3.1.1 | Laporan Portal MyUniNet <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat dimaklumkan bahawa:- i. Sebanyak 90,635 kali portal MyUniNet telah dipaparkan sepanjang tahun 2014. • Mesyuarat mencadangkan supaya paparan statistik ini dipaparkan pada Portal MyUniNet, dan boleh dilihat oleh pengguna. | Makluman Pentadbir Sistem | |
| 3.1.2 | Laporan Portal MyTO <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat dimaklumkan bahawa:- i. Sehingga 17 Disember 2014, sebanyak 57,474 rekod tesis telah di muat naik ke portal MyTO. ii. Jumlah akses ke Portal MyTO dan MyULIS sepanjang 2014 mencapai 795,172 kali. iii. Rujuk senarai rekod tesis di lampiran 1. • Mesyuarat mencadangkan supaya:- i. Portal MyTO dapat dipaparkan pada semua jenis pelayar (<i>browser</i>) telefon pintar. Mesyuarat bersetuju supaya pihak pentadbir sistem bekerjasama dengan wakil UPSI untuk membina paparan ini. ii. Menyediakan statistik portal MyTO yang lebih lengkap, contohnya statistik akses mengikut negara. | Makluman Pentadbir Sistem Makluman Pentadbir Sistem Makluman | |

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 3/2014

| | | | |
|-------|---|--|--|
| | <p>iii. Semua ahli di minta mengemas kini data tesis supaya pengguna dapat mengakses judul terkini.</p> <p>Laporan Portal MyULIS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat dimaklumkan bahawa Majlis PERPUN telah bersetuju dengan cadangan untuk menutup portal MyULIS dari paparan pengguna. • Mesyuarat memohon agar semua ahli Mesyuarat supaya dapat memaklumkan kepada semua ahli MOLEC dan pengguna di Perpustakaan masing-masing mengenai perkara ini. • Mesyuarat juga memohon agar semua pautan ke Portal MyULIS di laman web perpustakaan masing-masing dipadam. | | |
| 3.1.3 | | Makluman | |
| 3.2 | <p>Laporan Sistem MyUShare</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat dimaklumkan bahawa; i. Satu latihan penggunaan sistem MyUshare telah diadakan pada 16 Oktober 2014 di Perpustakaan Universiti Malaya, dan dihadiri oleh staf yang terlibat secara langsung dalam pengendalian urusan pinjaman antara perpustakaan masing-masing, dan telah bersetuju untuk menggunakan sistem ini bermula 1 November 2014. ii. Hasil dari pelaksanaan dan penggunaan sistem ini terdapat beberapa perpustakaan yang tidak dapat menggunakan sistem ini disebabkan beberapa masalah dan <i>error</i> pada sistem. Antara error yang berlaku adalah seperti berikut:- <ol style="list-style-type: none"> a. Masalah untuk muat naik dokumen artikel b. Pengguna perlu reset katalaluan. c. Status permohonan tidak berubah walaupun telah dikemaskini. d. Permohonan baru lambat diterima, dan lambat terima notifikasi. iii. Ahli Mesyuarat dimohon untuk menghantar 1 laporan hasil penggunaan sistem ini kepada Setiausaha, dan | Makluman Makluman Makluman Makluman | |

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 3/2014

| | | | |
|-----|--|----------------------------------|--|
| | <p>laporan ini akan dihantar kepada pentadbir sistem untuk tindakan pembetulan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat juga bersetuju supaya diadakan satu mesyuarat khas antara MySyL, pentadbir sistem MyUShare dan staf yang terlibat dengan urusan pinjaman antara perpustakaan untuk berbincang mengenai pembangunan sistem MyUShare, agar sistem yang dibina dapat memenuhi spesifikasi dan polisi perpustakaan masing-masing. | Makluman | |
| 3.3 | <p>Laporan MALCat</p> <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat dimaklumkan bahawa; <ol style="list-style-type: none"> Sehingga kini 4,129,674 rekod yang telah dimuat naik ke sistem MALCat. Pautan portal MALCat yang terkini adalah http://malcat.uum.edu.my/kip/. Wakil UUM telah mewujudkan 1 portal untuk memuatnaik data MARC, (http://elib.uum.edu.my/send/index.php) portal ini bertujuan untuk memudahkan proses data dimuatnaik ke sistem. Wakil UUM akan memberikan “username” dan “password” kepada setiap ahli untuk urusan muat naik rekod MARC. Hanya fail yang berformat .zip, .mrc dan .tar.gz sahaja yang dibenarkan untuk dimuatnaik ke sistem ini. Mesyuarat mencadangkan supaya pentadbir sistem dapat menghantar emel peringatan kepada semua perpustakaan untuk menghantar data MARC kerana masih terdapat perpustakaan yang tidak menghantar data terkini setiap empat (4) bulan mengikut persetujuan yang telah ditetapkan. Mesyuarat juga mencadangkan supaya pihak Perpustakaan Negara Malaysia yang membangunkan Katalog Induk Kebangsaan (KIK) supaya mendapatkan data dari MALCat, dan mesyuarat memohon agar perkara ini perlu diusulkan dan perlu mendapat persetujuan dan kelulusan dari Majlis PERPUN. | Setiausaha / Pentadbir Sistem | |
| | | Setiausaha / Pentadbir Sistem | |
| | | Makluman | |
| | | Makluman | |

MINIT MESUARAT MySyL BIL 3/2014

| | | | |
|------------------|--|--|--|
| 3.4 | <p>Laporan MALRep</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah data terkini yang telah diharvest oleh sistem MALRep adalah sebanyak 261,791. • Portal ini boleh diakses menggunakan alamat URL. http://malrep.uum.edu.my/rep • 3 Institutional Repository (IR) yang tidak dapat di harvest oleh MALCat adalah IR dari UniKL, UNISZA, dan UMT. Wakil UUM telah menghubungi semua wakil universiti berkenaan untuk tindakan selanjutnya. | <p>Makluman</p> <p>Pentadbir Sistem</p> | |
| MINIT 4.0 | PERBINCANGAN | | |
| 4.1 | <p>Perancangan dan Takwim Aktiviti MySyL 2015</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat mencadangkan aktiviti-aktiviti berikut diadakan pada tahun 2015:- <ol style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat Bil 1 – Mac 2015 di Universiti Malaysia Pahang ii. Mesyuarat Bil 2 – Jun 2015 di Universiti Pendidikan Sultan Idris. iii. Mesyuarat Bil 3 – September 2015 • Mesyuarat juga mencadangkan:- <ol style="list-style-type: none"> i. Untuk membangunkan antaramuka mobil (<i>mobile interface</i>) untuk portal MyUniNet dan portal MyTO. ii. Untuk mengadakan bengkel MyUShare yang melibatkan staf yang melaksana tugas pinjaman antara perpustakaan (ILL) bersama pentadbir sistem MyUShare bertujuan untuk mengumpul maklumat berkaitan pembangunan sistem MyUShare untuk memenuhi spesifikasi dan keperluan semua universiti. • Perjumpaan bersama Pusat Sitasi Malaysia (MyCite - Malaysian Citation Index) <ol style="list-style-type: none"> i. Wakil UKM, telah memaklumkan kepada mesyuarat berkenaan dengan kolaborasi diantara Pusat Sitasi Malaysia dengan Universiti Kebangsaan Malaysia berkaitan dengan portasl MyCite. ii. Mesyuarat mencadangkan untuk menjemput wakil dari Pusat Sitasi Malaysia ke mesyuarat MySyL akan untuk memberi penerangan berkenaan portal MyCite, serta membincangkan perkara-perkara berkaitan kolaborasi yang boleh dilaksanakan antara Pusat | <p>Makluman</p> <p>Pentadbir Sistem</p> <p>MyUninet / MyTO</p> <p>Makluman</p> | |

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 3/2014

| | | | |
|------------------|--|----------------------------------|--|
| | <p>Situs Malaysia dan Universiti-universiti di Malaysia.</p> <p>iii. Mesyuarat juga mencadangkan supaya perkara ini dimaklumkan kepada Majlis PERPUN terlebih dahulu serta merujuk perkara ini kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).</p> | <p>Makluman</p> <p>Pengerusi</p> | |
| 4.2 | <p>Sistem Pengurusan Perpustakaan di IPTA/IPTS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wakil dari USM telah memberi penerangan mengenai sistem pengurusan perpustakaan KOHA yang telah digunakan di USM bagi mengantikan sistem ILMU. • Beberapa perpustakaan telah menunjukkan minat untuk mengkaji sistem Open Source KOHA ini. • Satu lawatan akang dibuat di USM, yang akan dihadiri oleh wakil-wakil perpustakaan yang berminat untuk melihat pelaksanaan dan penggunaan sistem KOHA di Perpustakaan Hamzah Sendut, USM. | <p>Makluman</p> | |
| MINIT 5.0 | HAL-HAL LAIN | | |
| 5.1 | <p>Perlantikan Sekretariat MySyL 2015 - 2016</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seperti yang telah termaktub didalam Terma Rujukan MySyL, tempoh pelantikan Sekretariat akan berlangsung setiap 2 tahun, dan mesyuarat telah bersetuju mencadangkan dan melantik wakil-wakil berikut sebagai sekretariat MySyL bagi penggal 2015 - 2016:- i. Pengerusi – En. Hazmir Hj. Zainal (UKM) ii. Timbalan Pengerusi – Pn. Korina Ibrahim (UniMAS) iii. Setiausaha 1 – En. Md. Hafiz Ahmad Zulkifli (UKM) iv. Setiausaha 2 – Pn. Rozana Kamdani (USIM) • Mesyuarat turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha 1 dan Setiausaha 2 bagi penggal 2013 – 2014 yang telah berusaha dalam memastikan perjalanan Mesyuarat MySyL berjalan dengan lancar dan mengerakkan aktiviti-aktiviti MySyL sepanjang 2013 – 2014. | <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> | |

MINIT MESYUARAT MySyL BIL 3/2014

| | | | |
|-----|--|------------|----------|
| 5.2 | <p>Mengemaskini Terma Rujukan MySyL</p> <ul style="list-style-type: none">• Mesyuarat mencadang dan bersetuju untuk mengemaskini pada klausa fungsi dan tanggungjawab di dalam Terma Rujukan MySyL:-<ol style="list-style-type: none">i. Menyelenggara dan mengemaskini kandungan dan sistem aplikasi berikut:<ul style="list-style-type: none">▪ Portal MyUniNet▪ Malaysian Thesis Online (MyTO)▪ Katalog Induk PERPUN (MALCat)▪ Sistem Pinjaman Antara Perpustakaan (MyUShare)▪ Malaysian Repository (MALRep) | | |
| 5.3 | <p>Penangguhan Mesyuarat Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.00 Tengahari.</p> | Setiausaha | Makluman |

Disediakan oleh:

Muizzudin Kaspol
Setiausaha

Disahkan oleh:

Sarifah Abdullah
Pengerusi